

## Meneroka Potensi Perubahan Tingkah Laku Penduduk Terhadap Kebersihan Fasilitas Rumah Flat Kos Rendah Menerusi Aplikasi Model Transteoretikal

### *Exploring the Potential for Behavioural Change Among Residents Regarding Cleanliness of Low-Cost Flat Facilities Through the Application of the Transtheoretical Model*

Nor Fadhilah Atasha Abd Hamid<sup>1</sup>, Mohd Hafizal Ishak<sup>1,2\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Perkhidmatan Pengurusan Projek, Harta Tanah dan Fakulti (PROFMS), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: [mhafizal@uthm.edu.my](mailto:mhafizal@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2025.06.02.064>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 30 September 2025

Diterima: 1 November 2025

Diterbitkan: 1 Disember 2025

#### Kata Kunci

Model transteoretikal, flat kos rendah, kebersihan, perubahan tingkah laku,

#### Abstrak

Kebersihan fasiliti awam seperti koridor, lif, tempat letak kenderaan, dan kawasan pembuangan sampah sering menjadi isu utama di kawasan rumah flat kos rendah. Masalah ini boleh menjejaskan tahap kesihatan, kesejahteraan serta imej komuniti setempat. Bagi menangani cabaran ini, Model Transteoretikal telah digunakan sebagai pendekatan untuk menganalisis perubahan tingkah laku penduduk melalui lima peringkat utama: pra-kontemplasi, kontemplasi, persiapan, tindakan, dan pemeliharaan. Kajian ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, untuk mengenal pasti ciri-ciri Model Transteoretikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah. Kedua, untuk menilai potensi perubahan tingkah laku penduduk terhadap aspek kebersihan fasiliti melalui aplikasi model ini. Pendekatan campuran (kualitatif dan kuantitatif) telah digunakan, termasuk pemerhatian lapangan dan pengedaran borang soal selidik kepada 100 orang responden. Hasil kajian bagi objektif pertama menunjukkan bahawa majoriti penduduk berada pada tahap kontemplasi, menandakan kesedaran awal terhadap keperluan perubahan tingkah laku. Sementara itu, dapatan bagi objektif kedua mendapati bahawa kawasan pembuangan sampah mempunyai potensi tinggi untuk mengalami perubahan positif dalam tingkah laku penduduk. Secara keseluruhan, Model Transteoretikal menunjukkan potensi yang besar dalam meningkatkan tahap kebersihan fasiliti di kawasan rumah flat kos rendah melalui strategi intervensi yang bersesuaian dengan tahap kesediaan penduduk untuk berubah.

## Keywords

*Transtheoretical model, cleanliness, low-cost flats, behavioural change*

## Abstract

*Cleanliness of public facilities such as corridors, elevators, parking areas, and waste disposal sites is a recurring issue in low-cost flat housing, often affecting the health, well-being, and image of the community. To address this, the Transtheoretical Model is applied to understand behavioral change among residents across five stages: pre-contemplation, contemplation, preparation, action, and maintenance. This study has two main objectives. The first is to identify the characteristics of the Transtheoretical Model among residents of low-cost flats. The second is to assess the potential for behavioral change among residents concerning the cleanliness of public facilities using this model. A mixed-methods approach was employed, involving field observations and a questionnaire survey with 100 respondents. Findings related to the first objective indicate that most residents are in the contemplation stage, reflecting early awareness of the need for behavioral change. Results for the second objective reveal that waste disposal areas show the highest potential for positive behavioral transformation. In conclusion, the Transtheoretical Model demonstrates significant potential for improving cleanliness in low-cost flat facilities through targeted interventions aligned with residents' readiness to change.*

## 1. Pendahuluan

Umum mengetahui bahawa ekonomi semasa semakin sukar untuk diramal berikutan kenaikan harga bahan mentah yang turut mempengaruhi peningkatan harga rumah. Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan inisiatif kerajaan untuk menempatkan semula penduduk setinggan yang layak, sekali gus memenuhi keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah (KPKT, 2024). Program ini menyediakan rumah kos rendah bagi memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri.

Namun begitu, kawasan PPR sering dibelenggu pelbagai isu termasuk masalah sosial, jenayah, dan paling ketara—masalah kebersihan. Kebersihan merujuk kepada keadaan dan amalan yang membantu mengekalkan tahap kesihatan serta mencegah penularan penyakit (Water Aid, 2012). Masalah kebersihan ini lazimnya berpunca daripada sikap penduduk yang membuang sampah merata-rata dan tidak mengendahkan kebersihan kawasan kediaman mereka (Astro Awani, 2018).

Fasiliti yang disediakan seperti tempat letak kenderaan, kawasan pembuangan sampah, lif, dan saliran longkang sering terjejas akibat pengabaian. Menurut Kamus Oxford (2024), fasiliti merujuk kepada tempat atau bangunan yang disediakan untuk tujuan atau aktiviti tertentu. Dalam konteks ini, peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) amat penting dalam memastikan pengurusan dan penyelenggaraan aset strata yang merangkumi infrastruktur fasiliti dijalankan dengan cekap (Harian Metro, 2022).

JMB ialah satu badan sementara yang ditubuhkan untuk mengurus dan menyelenggara hartanah strata dari awal pembangunan sehingga hak milik strata dikeluarkan oleh Pejabat Tanah (Ashraf Wahab, 2021). Fungsi JMB bukan sahaja tertumpu kepada aspek penyelenggaraan aset fizikal, tetapi turut melibatkan kebajikan dan kesejahteraan komuniti (Harian Metro, 2022). Peranan aktif JMB telah menunjukkan impak positif terhadap kemudahan awam kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal penyelenggaraan dan pengurusan kawasan flat kos rendah.

Namun begitu, isu kebersihan kekal menjadi cabaran paling besar kepada pihak JMB dalam memastikan kawasan PPR berada dalam keadaan bersih dan selamat. Tingkah laku negatif dalam kalangan penduduk menyebabkan tahap kebersihan fasiliti semakin merosot. Kebanyakan penduduk di kawasan ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah atau kumpulan B40. Menurut *Harian Metro* (2022), JMB perlu mencari pendekatan inovatif melalui penglibatan komuniti dan sokongan agensi korporat untuk meningkatkan kemudahan sedia ada. Usaha berterusan diperlukan bagi memastikan kawasan perumahan kos rendah sentiasa dalam keadaan yang terurus.

Laporan *Harian Metro* (2024) mendedahkan bahawa sebahagian penduduk berasa tertekan dengan tabiat segelintir penghuni yang membuang sampah sesuka hati sehingga menimbulkan bau busuk di kawasan sekitar termasuk di dalam lif. Masalah ini berpunca daripada sikap malas segelintir penduduk, khususnya yang mendiami unit tingkat atas, yang enggan membuang sampah di tempat yang disediakan dan sebaliknya meninggalkannya di hadapan lif.

Sementara itu, laporan *Berita Harian* (2023) menunjukkan bahawa tahap kesedaran sivik yang rendah serta keengganan menerima teguran menjadikan kawasan bawah flat kekal kotor meskipun kerja-kerja pembersihan

dilakukan setiap hari oleh petugas kebersihan. Hal ini menunjukkan bahawa segelintir penduduk tidak menyedari bahawa tingkah laku mereka menyumbang kepada masalah kebersihan yang berterusan.

### 1.1 Persoalan Kajian

- Apakah ciri-ciri Model Transteoritikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti?
- Apakah potensi perubahan tingkah laku penduduk rumah flat kos rendah menerusi aplikasi Model Transteoritikal terhadap aspek kebersihan fasiliti?

### 1.2 Objektif Kajian

- Mengenal pasti ciri-ciri Model Transteoritikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti.
- Mengkaji potensi perubahan tingkah laku penduduk rumah flat kos rendah menerusi aplikasi Model Transteoritikal terhadap aspek kebersihan fasiliti.

### 1.3 Skop Kajian

Skop kajian adalah di Johor Bahru iaitu responden kajian terdiri daripada penduduk rumah flat kos rendah di Flat Taman Pangsapuri Taman Desa Belantik dan Rumah Flat Kos Rendah Larkin.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat ciri-ciri Model Transteoritikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti. Seterusnya melihat sama ada Model Transteoritikal ini berpotensi digunakan untuk mengubah tingkah laku penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti. Beberapa faedah diperolehi daripada kajian ini. Tambahan pula, kajian ini membantu pihak JMB dalam menyelesaikan isu masalah kebersihan dari aspek kemudahan fasiliti yang berlaku di rumah flat kos rendah.

## 2. Kajian Literatur

Kajian literatur adalah salah satu cara untuk menyokong kepada kajian penyelidikan. Beberapa literatur akan digunakan sebagai asas kepada pembentukan model kajian

### 2.1 Program Perumahan Rakyat (PPR)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengendalikan program perumahan rakyat (PPR) (Tramizi Hussin, 2024). Tujuan program ini adalah untuk menempatkan setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan kerajaan yang telah digazetkan untuk pembangunan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Lembah Klang, Selangor (Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Vivien, W. A. Yiew dan Ali. N (2018). Dua jenis Program Perumahan Rakyat (PPR) ialah yang dimiliki dan yang disewa. Kedua-dua jenis PPR berbeza dalam harga; PPR Dimiliki bermula pada RM 40,000 seunit. Rumah sewaan PPR bermula pada RM 250 seunit. Konsep asas pembinaan PPR adalah bagi kawasan bandar dibina secara bertingkat (Strata) manakala bagi kawasan di pinggir konsep rumah PPR adalah rumah teres (landend) (Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEGUH, 2023).

### 2.2 Hubungkait antara Model Transteoritikal dengan Aspek Kebersihan Fasiliti

#### 2.2.1 Model Transteoritikal

Model Transteoritikal merupakan salah satu teori model perubahan tingkah laku yang diguna bagi mengubah tingkah laku seseorang. Prochaska dan Diclemente pada awal tahun 1970-an membangunkan dan berkembang melalui kajian mengenai pengalaman perokok yang berhenti sendiri. Namun tidak seperti teori tingkah laku yang lain seperti Teori Kognitif Sosial Teori Tingkah Laku Terancang, Model Transteoritikal dibangunkan secara khusus untuk mengkaji perubahan dalam tingkah laku. Ianya terdiri daripada empat konstruksi teori iaitu peringkat perubahan, proses perubahan, keberkesanan diri dan keseimbangan keputusan. Peringkat perubahan di mana individu melakukan perubahan tingkah laku melalui pra-kontemplasi, kontemplasi, persiapan, tindakan dan penyelenggaraan. Model Transteoritikal membantu individu untuk melakukan perubahan tingkah laku melalui peringkat proses perubahan tingkah laku. Kesannya individu dapat mengubah tingkah lakunya serta mengekalkannya. Walau bagaimanapun keberkesanan diri dan keseimbangan membuat keputusan boleh didefinisikan sebagai perubahan yang kecil dan bukan perubahan yang sepenuhnya (Lippke et al., 2009).

### 2.2.2 Kebersihan Fasilitas

Kebersihan merupakan elemen yang penting bagi memastikan keseluruhan bangunan berada dalam keadaan bersih, terutama harta bersama, kerana setiap penghuni inginkan yang bersih (Wakefield & Bledgett, 1996). Fasilitas adalah bangunan, peralatan perkhidmatan yang disediakan untuk tujuan tertentu (Cambridge Dictionary). Kemudahan fasilitas yang disediakan di kawasan rumah flat kos rendah seperti lif, tempat letak kereta, tempat pembuangan sampah dan sebagainya.

### 2.2.3 Perubahan Tingkah Laku

Perubahan adalah satu elemen kehidupan yang tidak dapat dielakkan dan setiap orang tidak lari daripada mengalami perubahan pada masa-masa tertentu (Raj, S. L. Y., 2021). Seseorang sukar untuk melakukan perubahan dalam kehidupannya kerana terbiasa dengan tabiat yang dilakukannya. Sebaliknya, seseorang itu akan berubah jika mendapati tidak selesa akan tingkah laku yang mereka lakukan. Tingkah laku merupakan kelakuan atau gerak-geri (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Tingkah laku boleh diukur dan dinilai melalui perbuatan seseorang secara langsung atau tidak langsung. Menurut Lewis M. Beaker (2001), tingkah adalah sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Perubahan tingkah laku penduduk amat penting kerana ianya menimbulkan isu kebersihan fasilitas kepada kawasan rumah flat kos rendah. Situasi sebegini, tidak boleh dianggap remeh oleh semua penduduk yang menetap di kawasan rumah flat kos rendah kerana fasilitas kemudahan yang disediakan perlulah dijaga dengan baik oleh penduduk. Bagi memastikan fasilitas kemudahan dalam keadaan yang baik penduduk perlulah bekerjasama dan memainkan peranan yang baik.

## 2.3 Kepentingan Perubahan Tingkah Laku

### 2.3.1 Kebersihan Fasilitas PPR

Penduduk rumah flat kos rendah dapat mengubah tingkah laku mereka dapat menjaga kebersihan fasilitas maka suasana di kawasan tersebut dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera. Kebaikan mengubah tingkah laku yang negatif dapat memberi impak yang positif. Misalnya, penduduk rumah flat kos rendah mengubah tabiat mereka yang suka membuang sampah merata-rata dapat mengelakkan daripada penyakit berjangkit.

### 2.3.2 Rumah Flat Kos Rendah

Impak kepada perubahan tingkah laku penduduk terhadap rumah flat kos rendah dapat memastikan projek perumahan rakyat (PPR) dihargai sepenuhnya. Ianya kerana tujuan wujudnya projek ini adalah untuk menempatkan golongan yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah dan juga mengurangkan kadar gelandangan di Malaysia. Dengan itu, sebagai rakyat yang layak untuk memohon dan memiliki rumah ini perlu menjaganya dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika projek perumahan rakyat (PPR) dijaga dengan rapi dan kurang menimbulkan pelbagai isu maka misi dan visi kerajaan untuk membangunkan projek ini tercapai.

## 2.4 Ciri-ciri Model Transteoritik

### 2.4.1 Pra-Kontemplasi

Individu tidak sedar akan masalah yang timbul dan tidak berhasrat untuk mengambil tindakan pada masa hadapan. Individu ini tidak menyedari bahawa tingkah laku yang dilakukan membawa masalah kepada orang lain.

### 2.4.2 Kontemplasi

Individu mempunyai hasrat untuk memulakan tingkah laku yang positif pada masa hadapan. Ini kerana individu mula sedar akan tingkah laku mereka yang bermasalah dan mempertimbangkan dengan lebih praktikal tentang kebaikan dan keburukan mengubah tingkah laku.

### 2.4.3 Persiapan

Individu bersedia untuk mengambil tindakan dalam tempoh 30 hari akan datang. Individu tersebut mula mengambil langkah kecil ke arah perubahan tingkah laku dan mula percaya dengan perubahan tingkah laku mereka akan membawa kepada sesuatu perubahan yang positif.

### 2.4.4 Tindakan

Individu telah mengambil tindakan kecil untuk melakukan perubahan tingkah laku bagi mencapai matlamat. Individu ini juga berhasrat untuk mengubah suai tingkah laku yang bermasalah kepada tingkah laku yang positif pada masa hadapan.

### 2.4.5 Pemeliharaan

Individu mengekalkan perubahan tingkah laku untuk sementara waktu dan berhasrat untuk mengekalkannya pada masa hadapan. Selain itu, individu tersebut, akan berusaha untuk mengelakkan daripada melakukan tingkah laku yang sama.

## 2.5 Aspek Kebersihan

### 2.5.1 Kebersihan di Tempat Letak Kenderaan

Kemudahan fasiliti yang disediakan untuk penduduk rumah kos flat kos rendah salah satunya adalah tempat letak kenderaan. Tempat letak kenderaan disediakan untuk memudahkan penduduk rumah flat kos rendah memastikan kenderaannya berada dalam keadaan yang baik. Buang sampah sesuka hati dan tidak bertanggungjawab dilihat sebagai punca flat kos rendah di sekitar Johor berada dalam keadaan kotor, lapor wartawan Sinar Harian, (2023).

### 2.5.2 Kebersihan di Kawasan Koridor

Kawasan koridor merupakan kawasan di mana majoriti penduduk di rumah flat kos rendah menggunakannya. Ianya kerana, kawasan koridor adalah laluan utama bagi penduduk untuk ke rumah masing-masing. Kebersihan di kawasan ini sangat penting dan perlu dijaga dengan bagi baik. Jika kebersihan di kawasan tidak di jaga maka ia akan mengundang kepada bau busuk. Kim Syazie (2023), kalau ada bangkai tikus depan koridor rumah, sampai berulat tidak dibuang oleh penduduk kerana terlalu "High Class".

### 2.5.3 Kebersihan di dalam Lif


Lif merupakan kemudahan fasiliti yang paling g utama dan paling digemari oleh penduduk rumah flat kos rendah. Namun begitu terdapat juga terdapat pelbagai isu yang timbul seperti kerosakan lif. Keadaan sebegini menyebabkan penduduk terpaksa menggunakan tangga untuk turun ke bawah. Salah satu punca kerosakan lif adalah sikap penduduk yang tidak mengambil berat aspek kebersihan termasuk ada yang membuang air kecil dan air besar dalam lif (Berita Harian, 2023).

### 2.5.4 Kebersihan di Kawasan Pembuangan Sampah

Kawasan pembuangan sampah disediakan supaya penduduk dapat membuang sampah di kawasan yang sepatutnya. Sampah-sampah yang dibuang ke tempat sepatutnya akan dikutip oleh pihak kontraktor yang ditugaskan secara berkala-kala. Namun begitu, terdapat juga tempat pembuangan sampah yang disediakan tidak di selenggara. Sampah sarap yang tidak diurus dengan baik (Harian Metro, 2023).

### 2.5.5 Kebersihan di Kawasan Longkang

Kebersihan di kawasan longkang sangatlah penting supaya sistem perparitan tidak tersumbat. Hal ini akan mendatangkan pelbagai masalah kepada penduduk rumah flat kos rendah. Antara adalah banjir kilat yang disebabkan oleh pengumpulan sampah sarap yang banyak di kawasan longkang mengakibatkan aliran air tersangkut dan bertakung. Penduduk di rumah flat kos rendah tidak hanya berdepan masalah "sampah terbang" tetapi berisiko demam denggi akibat longkang tersumbat yang mengundang pembiakan nyamukaedes (BuletinTV3, 2023).



**Rajah 1** Kerangka Kerja Potensi Perubahan Tingkah Laku Penduduk Rumah Flat Kos Rendah Menerusi Aplikasi Model Transteoritik Terhadap Aspek Kebersihan Fasilitas

### 3. Metodologi Kajian

Tujuan metodologi ini, untuk membantu pengkaji memahami dengan lebih terperinci tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Salah satu pendekatan yang menyeluruh yang digunakan oleh pengkaji ialah reka bentuk kajian, yang membolehkan pengkaji mengumpul dan menggabungkan pelbagai komponen kajian dengan cara yang konsisten. Reka bentuk kajian, menurut Sabitha (2006), ialah rancangan tindakan yang menjelaskan cara kajian dijalankan. Ia membantu pengkaji dalam proses memungut dan mentafsir hasil kajian.

#### 3.2 Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini distrukturkan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan dengan maklumat peribadi responden, Bahagian B ciri-ciri Model Transteoritik dan Bahagian C faktor aspek kebersihan fasiliti memfokuskan kepada perubahan tingkah laku penduduk.


##### 3.2.1 Kaedah Pensampelan

Kajian ini khusus dijalankan untuk penduduk rumah flat kos rendah di rumah Flat Taman Pangsapuri Taman Desa Belantik dan rumah flat kos rendah Larkin. Sampel kajian yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini sebanyak 100 sampel bersamaan dengan 100 orang responden yang dipilih secara rawak berdasarkan kawasan yang

ditetapkan. Bagi bahagian B dan C pengkaji menggunakan Skala Likert Lima Mata untuk mengukur mengenal pasti responden terhadap ciri-ciri model Transteoritikal dan potensi perubahan tingkah laku terhadap aspek kebersihan fasiliti di kawasan rumah flat kos rendah. Responden dikehendaki menandakan (/) bagi jawapan dalam petak yang disediakan.

### 3.2.2 Analisis Kajian

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan analisis korelasi dan *Moderating Regression Analysis (MRA)*. Analisis data merangkumi analisis deskriptif statistik dalam bentuk kekerapan, peratusan, dan nilai skor min.



Rajah 2: Carta Alir Kajian

Jadual 1: Metodologi Kajian Keseluruhan

Objektif	Kaedah Kajian	Pembolehubah	Analisis Kajian	Dapatan Kajian
Mengenal pasti ciri-ciri Model Transteoritikal dikalangan penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti	1. Kaedah Kualitatif 2. Kaedah Kuantitatif	Ciri-Ciri Model Transteoritikal : 1. Pra-Kontemplasi 2. Kontemplasi 3. Persiapan 4. Tindakan 5. Pemeliharaan	1. Analisis Deskriptif	Ciri-ciri Model Transteoritikal dikalangan penduduk rumah flat kos rendah terhadap aspek kebersihan fasiliti
Mengkaji potensi perubahan tingkah laku penduduk menerusi aplikasi Model Transteoritikal terhadap aspek kebersihan fasiliti		Aspek Kebersihan Fasiliti: 1. Kebersihan di tempat letak kenderaan 2. Kebersihan di kawasan koridor 3. Kebersihan di dalam lif 4. Kebersihan di kawasan pembuangan sampah 5. Kebersihan di kawasan longkang	1. Analisis korelasi 2. <i>Moderating Regression Analysis (MRA)</i>	Potensi perubahan tingkah laku penduduk terhadap aspek kebersihan fasiliti

## 4. Hasil dan Perbincangan

### 4.1 Data Demografi

Terdapat lapan item demografi yang dikaji dalam kalangan responden, iaitu jantina, bangsa, umur, tahap pendidikan, status pekerjaan, pendapatan bulanan, bilangan isi rumah, dan tempoh penempatan. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 100 orang. Berdasarkan analisis Jadual 3, responden perempuan merupakan majoriti dengan 52%, manakala lelaki sebanyak 48%. Dari segi bangsa, majoriti responden adalah Melayu iaitu seramai 90 orang (90%), selebihnya terdiri daripada bangsa Cina, India dan lain-lain. Bagi aspek umur, ia dibahagikan kepada enam kategori; dua kategori umur tertinggi adalah 18 hingga 25 tahun dan 42 hingga 49 tahun, masing-masing merangkumi 27% responden.

Dalam aspek pendidikan, enam kategori dikenal pasti; paling ramai responden mempunyai kelulusan SPM, iaitu seramai 54 orang (54%). Dari segi status pekerjaan, 58% responden dilaporkan bekerja, manakala 42% tidak bekerja. Pendapatan bulanan pula menunjukkan majoriti responden (52%) berpendapatan dalam lingkungan RM1001 hingga RM2000. Selain itu, bilangan isi rumah kebanyakannya terdiri daripada 4 hingga 6 orang ahli (52%). Akhir sekali, dari segi tempoh penempatan, majoriti responden (54%) telah menetap di kawasan kajian antara 10 hingga 30 tahun. Data ini memberikan gambaran awal tentang latar belakang komuniti yang terlibat dalam kajian.

### 4.2 Analisis Objektif Pertama

Dalam borang soal selidik yang disediakan, Objektif 1 dianalisis melalui Bahagian B, iaitu bagi mengenal pasti ciri-ciri Model Transteoretikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah. Pemboleh ubah utama bagi objektif ini ialah lima tahap perubahan tingkah laku dalam Model Transteoretikal: Pra-Kontemplasi, Kontemplasi, Persiapan, Tindakan dan Pemeliharaan.

Analisis deskriptif telah digunakan untuk menilai soalan-soalan yang mewakili setiap tahap dalam model tersebut. Berdasarkan Jadual 4, purata skor tertinggi direkodkan adalah 4.59, yang merujuk kepada tahap Kontemplasi—menunjukkan bahawa ramai responden berada dalam fasa kesedaran dan pertimbangan untuk berubah. Sebaliknya, purata skor terendah adalah 3.00, yang mewakili tahap Persiapan. Menurut kajian terdahulu, jika sekurang-kurangnya 50% responden memberikan penilaian 4 atau lebih tinggi daripada skala 5, hasil tersebut dianggap sangat positif (Kotler & Keller, 2016).

**Jadual 2:** Nilai Purata Ciri-ciri Model Transteoretikal

Pernyataan	Purata
Saya merasa bahawa pembersihan kawasan rumah flat akan memberi kesan positif kepada komuniti. (Kontemplasi)	4.59
Saya percaya bahawa menjaga kebersihan kawasan rumah flat adalah tanggungjawab bersama. (Kontemplasi)	4.58
Saya merasakan bahawa kebersihan kawasan rumah flat adalah isu yang penting (Pra-Kontemplasi)	4.55
Saya merasa bertanggungjawab untuk memastikan kawasan rumah flat sentiasa bersih dan teratur. (Pemeliharaan)	4.39
Saya berusaha untuk menjaga kebersihan kawasan rumah flat secara berterusan. (Pemeliharaan)	4.36
Saya berasa teruja untuk menyertai program pembersihan di kawasan rumah flat. (Pra-Kontemplasi)	4.25
Saya secara konsisten menjaga kebersihan kawasan persekitaran rumah flat saya. (Tindakan)	4.19
Saya secara aktif terlibat dalam aktiviti pembersihan kawasan rumah flat. (Tindakan)	3.82
Saya telah menyediakan alat dan bahan yang diperlukan untuk membersihkan kawasan rumah flat. (Persiapan)	3.15
Saya sudah mengumpulkan maklumat tentang inisiatif pembersihan yang akan dijalankan di kawasan rumah flat. (Persiapan)	3.00

### 4.3 Analisis Objektif Kedua

Dalam borang soal selidik yang disediakan objektif 2 dianalisis melalui bahagian C bagi potensi perubahan tingkah laku penduduk menerusi aplikasi model Transteoretikal terhadap aspek kebersihan fasiliti. Antara aspek kebersihan fasiliti yang dikaji adalah kebersihan di tempat letak kenderaan, kebersihan di kawasan koridor, kebersihan di dalam lif, kebersihan di kawasan tempat pembuangan sampah dan kebersihan di kawasan longkang.

Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data bagi objektif kedua ialah analisis korelasi dan analisis regresi berganda (MRA). Berdasarkan Jadual 5, hasil analisis nilai korelasi 0.641 menunjukkan hubungan positif yang kuat antara aspek kebersihan fasiliti di kawasan tempat pembuangan sampah dan ciri model Transteoritik bagi tahap Persiapan dan sokong dengan hasil daripada analisis regresi berganda (MRA) yang menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar iaitu kebersihan kawasan tempat pembuangan sampah dan pemboleh ubah bebas iaitu ciri tahap Persiapan dalam Model Transteoritik. Jadual 6, menunjukkan hasil daripada analisis regresi berganda (MRA) menunjukkan nilai p bagi ciri tahap model Transteoritik iaitu Persiapan adalah sangat rendah 0.013 dan 0.003 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lebih kuat dan lebih signifikan secara statistik.

**Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson Analisis**

Pembolehubah	Korelasi Pearson	Sig. (2-hala)	N
TBS	1		100
PK_1	0.149	0.139	100
PK_2	0.146	0.148	100
K_1	0.038	0.708	100
K_2	0.096	0.342	100
S_1	0.641**	<0.001	100
S_2	0.628**	<0.001	100
T_1	0.415**	<0.001	100
T_2	0.345**	<0.001	100
P_1	0.141	0.163	100
P_2	0.114	0.258	100

**Jadual 4: Pearson Analisis Regresi Berganda (MRA) Bagi Ciri Tahap Model Transteoritik**

Model	Pekali Tidak Ternormal (B)	Ralat Piawai (Std. Error)	Pekali Ternormal (Beta)	t	Sig.
	0.763	0.891		0.857	0.394
PK_1	0.016	0.118	0.013	0.139	0.890
PK_2	0.170	0.154	0.104	1.102	0.273
K_1	-0.214	0.187	-0.120	-1.145	0.255
K_2	0.184	0.215	0.103	0.855	0.395
S_1	0.307	0.121	0.317	2.547	0.013
S_2	0.370	0.121	0.353	3.055	0.003
T_1	0.105	0.146	0.085	0.721	0.473
T_2	0.232	0.151	0.150	1.535	0.128
P_1	-0.110	0.182	-0.061	-0.604	0.547
P_2	-0.225	0.172	-0.146	-1.312	0.193

#### 4.4 Perbincangan

Bagi mencapai objektif pertama, iaitu mengenal pasti ciri-ciri Model Transteoretikal dalam kalangan penduduk rumah flat kos rendah, hasil analisis data menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap Kontemplasi. Hal ini berdasarkan nilai purata tertinggi iaitu 4.59 bagi pernyataan "Saya merasa bahawa pembersihan kawasan rumah flat akan memberi kesan positif kepada komuniti", yang mewakili tahap Kontemplasi dalam model tersebut. Skor yang tinggi ini mencerminkan tahap kesedaran diri yang tinggi dalam kalangan responden terhadap pentingnya perubahan tingkah laku berkaitan kebersihan. Menurut Prochaska dan DiClemente (1983), keyakinan serta kesedaran diri merupakan komponen penting dalam fasa Tindakan dan Pemeliharaan, kerana ia menjadi pemangkin kepada usaha mencapai matlamat perubahan tingkah laku yang berkekalan. Individu yang mempunyai tahap keyakinan tinggi akan lebih bermotivasi dan fokus dalam melaksanakan perubahan yang positif.

Selain itu, kajian Velicer et al. (1985) melalui pendekatan *Decisional Balance* mendapati bahawa individu pada tahap Kontemplasi memerlukan sokongan dalam membuat keputusan terhadap perubahan, kerana mereka masih berada dalam dilema walaupun menyedari kesan negatif tingkah laku semasa. Keyakinan awal terhadap perubahan adalah penting untuk membentuk asas tindakan yang efektif. Schwarzer (2008), menerusi pendekatan *Health Action Process Approach (HAPA)*, turut menekankan bahawa tahap Kontemplasi melibatkan proses pencarian maklumat dan kesedaran awal mengenai kesan positif perubahan terhadap kehidupan individu. Oleh itu, nilai purata yang tinggi dalam ciri tahap Kontemplasi menunjukkan bahawa responden telah pun mengembangkan kesedaran dan keyakinan awal untuk berubah ke arah tingkah laku yang lebih baik.

Bagi objektif kedua, iaitu menilai potensi perubahan tingkah laku penduduk terhadap kebersihan fasiliti menerusi aplikasi Model Transteoretikal, dapatan menunjukkan bahawa kawasan tempat pembuangan sampah mempunyai potensi tinggi untuk perubahan tingkah laku. Analisis korelasi dan regresi berganda (MRA) mendapati bahawa responden berada dalam tahap Persiapan, yang merupakan tahap di mana individu mula merancang untuk mengambil tindakan. Pada tahap ini, Model Transteoretikal membantu individu membina strategi perubahan yang bersesuaian. Menurut Prochaska dan DiClemente (1983), individu dalam tahap Persiapan cenderung mengambil langkah kecil terlebih dahulu, seperti menyertai kempen kesedaran atau menjadualkan waktu pembuangan sampah dengan lebih sistematik.

Responden juga dilaporkan mula mengenal pasti langkah konkrit seperti membuang sampah dengan betul, mengelakkan pembakaran terbuka, dan merancang aktiviti pembersihan bersama komuniti setempat. Perancangan merupakan elemen penting dalam tahap Persiapan, terutamanya apabila perubahan memerlukan kerjasama antara individu dan masyarakat (Schwarzer, 2008). Namun begitu, tindakan berskala penuh seperti pelaksanaan pembersihan secara berkala atau penglibatan aktif komuniti masih belum berlaku. Oleh itu, sokongan yang berterusan pada tahap ini sangat penting untuk mempercepatkan peralihan responden ke tahap Tindakan, sekali gus memperbaiki tahap kebersihan fasiliti secara menyeluruh.

## 5. Kesimpulan

Potensi perubahan tingkah laku penduduk terhadap aspek kebersihan fasiliti melalui aplikasi Model Transteoretikal menunjukkan bahawa sokongan sosial merupakan faktor utama dalam menggerakkan perubahan tersebut. Walaupun tahap kesedaran dalam kalangan penduduk adalah tinggi, kekangan dari segi tindakan praktikal masih menjadi cabaran yang perlu diatasi melalui pendekatan berasaskan komuniti dan sokongan berterusan. Penggunaan Model Transteoretikal dalam membantu penduduk mengubah tingkah laku terbukti berpotensi besar dalam meningkatkan tahap kebersihan fasiliti di kawasan rumah flat kos rendah. Model ini menyediakan rangka kerja yang berstruktur untuk memahami tahap kesiapsiagaan individu dalam melakukan perubahan.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di atas segala sokongan yang diberi.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Nor Fadhillah Atasha ABD Hamid, Mohd Hafizal Ishak; **pengumpulan data:** Nor Fadhillah Atasha ABD Hamid; **analisis dan interpretasi hasil:** Nor Fadhillah Atasha ABD Hamid; **penyediaan draf manuskrip:** Nor Fadhillah Atasha ABD Hamid, Mohd Hafizal Ishak. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

## Rujukan

- Ashraf Wahab. (18 Feb 2021). *JMB, MC, dan Sub-MC :Tanggungjawab dan tugas-tugas mereka dalam pembangunan strata*. <https://www.propertyguru.com.my/bm/panduan-hartanah/semuanya-yang-anda-perlu-tahu-tentang-ppr-pprt-38290>
- Astro Awani. (17 Ogos 2023). *PPR daya huni, KPKT laksana pelbagai penambahbaikan*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ppr-daya-huni-kpkt-laksana-pelbagai-penambahbaikan-433194>
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84.
- Berita Harian. (5 Jun 2023). *Pupuk sikap pembersih penghuni rumah pangsa*. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1110415/pupuk-sikap-pembersih-penghunirumah-pangsa>

- Besar, J. A., Ali, M., Vivian Yew, W., Lyndon, N., & Ali, M. N. S. (2018). Impak sosioekonomi dan politik program perumahan rakyat lembah Subang, Selangor. *Akademika*, 88(1), 181-192. BuletinTV3. (15 Julai 2023). PPR Usang, Kotor, "Sampah Terbang" hantui penghuni. <https://www.buletintv3.my/aduan-rakyat/ppr-usang-kotor-sampah-terbang-hantuipenghuni/>
- DiClemente, C. C., Prochaska, J. O., & Gibertini, M. (1985). Self-efficacy and the stages of self-change of smoking. *Cognitive therapy and Research*, 9(2), 181-200.
- Harian Metro. (5 Feb 2022). Peranan besar JMB. <https://www.hmetro.com.my/PnP/2022/02/813949/peranan-besar-jmb>
- Lippke, S., Wiedemann, A. U., Ziegelmann, J. P., Reuter, T., & Schwarzer, R. (2009). Self-efficacy moderates the mediation of intentions into behavior via plans. *American journal of health behavior*, 33(5), 521-529.
- Kotler, P., Keller, K. L., Brady, M., Goodman, M., & Hansen, T. (2016). Marketing Management 3rd edn PDF eBook. Pearson Higher Ed.
- Marican, S. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Mohd. Yusof Hj. Othman, 2005. Pembinaan Konseptual dalam Pembelajaran di IPT. Dalam Mahasiswa Abad ke 21. Fakulti Pendidikan, UKM, Yayasan Istana Abdul Aziz dan Projek Manara Gading. ISBN 983-2975-25-5. hlm 113- 130
- Prochaska, J.O. & DiClemente, C.C. (1982). Transtheoretical therapy: Toward a more integrative model of change. *Psychotherapy: Theory, Research and Practice* 19:276-278.
- Prochaska, J.O. & DiClemente, C.C. (1983). Stages and processes of self-change of smoking: toward an integrative model of change. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 51(3):390- 395.
- Prochaska, J. O., & DiClemente, C. C. (1983). Stages and processes of self-change of smoking: toward an integrative model of change. *Journal of consulting and clinical psychology*, 51(3), 390.
- Prochaska, J.O. & DiClemente, C.C. (1986). Toward a comprehensive model of change. In W. R. Miller & N. Heather (Eds.), *Treating addictive behaviors: Processes of change* (pp. 3-27). Plenum Press.
- Raj, S.L.Y. (2021). Menilai kesediaan untuk perubahan: Kajian kes dalam situasi pandemik. In: Chen, C.D. & Radi, N.A.M. (Eds.), *Era pandemik memperkasakan pentadbir universiti* (pp. 45-53). Kuala Lumpur: PEKERTI UM. Tramizi Hussin. (16 Feb 2024). PPR/PPRT: Ketahui Kelayakan, Syarat & Cara Memohon. ] <https://www.iproperty.com.my/bm/panduan-hartanah/jmb-mc-dan-sub-mc-tanggungjawab-dantugas-mereka-dalam-pembangunan-strata-57906>
- Schwarzer, R. (2008). Modeling health behavior change: How to predict and modify the adoption and maintenance of health behaviors. *Applied psychology*, 57(1), 1-29.
- Velicer, W. F., DiClemente, C. C., Prochaska, J. O., & Brandenburg, N. (1985). Decisional balance measure for assessing and predicting smoking status. *Journal of personality and social psychology*, 48(5), 1279.
- Wakefield, K. L., & Blodgett, J. G. (1996). The effect of the servicescape on customers' behavioral intentions in leisure service settings. *Journal of services marketing*, 10(6), 45-61.
- WaterAid (2012). *Hygiene framework*. WaterAid, Disember 2012, [https://sswm.info/sites/default/files/reference\\_attachments/WATERAID%202012%20Hygiene%20framework.pdf](https://sswm.info/sites/default/files/reference_attachments/WATERAID%202012%20Hygiene%20framework.pdf)